

# Nasionalisme dan maruah bangsa...

**P**  
DALAM masa dua hari berturut-turut, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad, membuat dua ucapan yang berbeza, tetapi pada hakikatnya sama sahaja erti dan tujuannya.

Pada 31 Ogos, dalam perutusan menyambut Hari Kebangsaan, beliau menyeru agar diperkukuhkan nasionalisme dan menjauhkan diri daripada neo-kolonialism, sementara pada hari pelancaran Kefeta Proton Saga pada 1 September, beliau mempersoalkan pula sesuatu yang berkaitan dengan maruah bangsa.

Persoalan menegakkan maruah bangsa dan nasionalisme adalah dua konsep yang tidak jauh bezanya. Malah, matlamat nasionalisme ialah pengembalian maruah bangsa, pengukuhan negara dan pendauletan bahasa.

Usaha menegakkan maruah bangsa bukanlah satu perkara yang enteng. Sesebuah negara yang merdeka tidak semestinya bermaruah. Begitu juga bagi sesebuah negara yang kaya tidak semestinya bermaruah.

Maruah adalah sesuatu yang subjektif dan memerlukan pengiktirafan negara-negara lain.

Secara umum dapat disimpulkan bahawa sesebuah negara boleh disifatkan bermaruah jika sekiranya dapat memenuhi beberapa keperluan, seperti kekuatan dalam bidang pembangunan, keupayaan melahirkan pemimpin dan cerdik pandai yang berkualiti, kesediaan menyemarakkan perasaan setiakawan dan berbaik-baik dengan negara jiran dan sebagainya.

Jika perkara di atas dikira sebagai kriteria penentu bagi mendapatkan gelaran negara bermaruah, maka apakah negara kita dan bangsa kita sudah boleh dipanggil bermaruah?

Terlalu sukar juga untuk menjawabnya kerana setiap pendapat pro dan kontra amat senang untuk dijujukkan. Namun begitu jika diambil jalan tengah, dapatlah dikatakan bahawa negara kita dalam proses menuju ke matlamat penegakan maruah bangsa.

Hakikat ini diakui oleh Perdana Menteri. Baginya kereta nasional Proton Saga adalah satu langkah lagi bagi menegakkan maruah bangsa dan negara yang merdeka, walaupun ada perkara-perkara lain yang dilakukan semata-mata untuk memelihara maruah kita.

Sejarah perjuangan Dr Mahathir, sama ada dalam zaman memerintah negara ataupun sebelumnya, jelas menunjukkan yang "commitment" beliau ke arah pewujudan bangsa yang bermaruah.

Walaupun dalam zaman sebelum menjadi Perdana Menteri, usaha sedemikian sudah kelihatan, tetapi yang jelasnya ialah apabila beliau memerajui negara ini.

Keengganan Datuk Seri Dr Mahathir menghadiri persidangan negara-negara

**BH 6 SEP 1985**

*Pautan bangsa kita kepada nasionalisme negaranya tidak begitu teguh. Masih ada yang meragui keupayaan negaranya sendiri dalam sesuatu bidang*

Oleh  
**ABU HASSAN ADAM**

Komenwel di Australia dan Persidangan Negara-Negara Utara-Selatan di Cancun Mexico mengejutkan beberapa pemimpin dunia.

Pendirian Malaysia dalam hal ini mestilah dilihat sebagai langkah memantapkan maruah negara. Tentulah tidak ada maknanya menghadiri persidangan yang hanya besar pada namanya, tetapi manfaatnya terlalu kecil.

Ketokohan seseorang pemimpin amat penting bagi perwujudan bangsa yang bermaruah. Kewibawaan, personaliti dan keupayaan mengeluarkan pendapat yang bernas adalah jua unsur yang boleh menimbulkan penghormatan sesuatu negara kepada negara yang lain.

Penghormatan kepada Dr Mahathir untuk menyampaikan ucapan penting di persidangan ekonomi yang membabitkan soal-soal kewangan antarabangsa di Hong Kong baru-baru ini, memberikan erti bahawa pemimpin kita yang mewakili bangsa Melayu telah diberikan pengiktirafan sebagai wakil dari satu bangsa yang bermaruah.

Bertolak daripada hakikat ini, apakah cukup sekadar pemimpin sahaja yang berusaha ke arah itu.

Jika diperinci satu persatu, kita akan dapati bahawa bangsa kita masih lemah, diukur daripada beberapa kriteria. 'Penjajah' masih lagi menguasai alam pemikiran, cara hidup dan tindak tanduk seharian bangsa kita.

Walaupun secara fizikal kita telah dibebaskan, namun dari segi mentalnya masih dijajah.

Inilah inti ucapan Perdana Menteri melalui tv baru-baru ini. Beliau telah menyarankan konsep neo-kolonialisme yang harus ditentang, kerana nasionalisme tidak akan dapat dicapai sekiranya ada unsur neo-kolonialism.

Penjajahan budaya sedang berlaku kepada bangsa kita. Sekali imbas seolah-olah bangsa kita sudah tidak ada pegangan. Bangsa kita seolah-olah tidak berpendirian, yang memberikan gambaran bahawa berlaku pembudayaan fikiran dan perasaan di kalangan bangsa kita.

Pautan bangsa kita kepada nasionalisme

negaranya tidak begitu teguh. Masih ada yang meragui keupayaan negaranya sendiri dalam sesuatu bidang.

Tentu tidak seratus peratus yang meyakini keupayaan Proton Saga yang setanding dengan kereta-kereta lain yang diimport. Akan terdengar suara-suara sumbang yang mencari cacat dan celanya kereta buatan kita.

Ada pelajar kita di luar negeri mengancam dan memperkecilkan Malaysia. Dan kecaman itu dilakukan di hadapan penuntut negara lain. Akan tertawalah penuntut asing melibatkan telatah pelajar kita yang 'membuka pekung di dada' dan 'meludah ke langit', sedangkan orang lain akan menjerit, tertawa terbahak-bahak mengatakan 'biar luncai terjun dengan labu-labunya'.

Inilah penyakitnya. Tidak cukup dengan perbuatan segelintir pelajar kita di luar negeri, ada pula pemimpin parti pembangkang yang sengaja ke luar negeri menyampaikan ceramah untuk memburukkan dasar kerajaan.

Dan apabila pelajar-pelajar kita pulang ke tanahair nanti dengan menggondol segulung ijazah, rupa-rupanya mereka telah kehilangan sesuatu, iaitu nasionalisme.

Ini amat ditakuti. Kementerian Pelajaran telah pun mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengukuhkan nasionalisme pelajar-pelajar kita.

Perlu disedari bahawa memupukkan semangat nasionalisme bukanlah boleh dilaksanakan dalam sebulan dua, tetapi akan mengambil masa yang begitu lama.

Dan selaras dengan itulah maka pelajaran kewarganegaraan akan diperkenalkan di sekolah-sekolah yang tidak mengira sama ada pelajar itu dari jurusan sains atau sastera.

Tengalenal dan pengukuhan perasaan nasionalisme hendaklah dimulakan daripada bangku sekolah. Pelajaran yang menyemaikan bibit-bibit nasionalisme sememangnya telah diajar melalui mata pelajaran sejarah, sehinggalah pelajar-pelajar kita di tingkatan tiga.

Dan selepas lulus peperiksaan SRP, barulah pelajar-pelajar dialihkan ke jurusan sains dan sastera.

Bagi pelajar-pelajar jurusan sains, mata pelajaran sejarah memang tidak diajar. Maka seolah-olah ternampak bahawa di sini terhentinya pemupukan perasaan nasionalisme di kalangan pelajar-pelajar sains.

Memandangkan tidak adanya kesinambungan dalam usaha pemupukan semangat nasionalisme ini, maka Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan mata pelajaran kewarganegaraan di sekolah-sekolah, terutamanya pada peringkat sekolah menengah, dengan tujuan memberikan kesedaran ke arah itu.

Kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa nasionalisme adalah sebagai alat, sebagai perisai yang mesti ada pada setiap rakyat Malaysia.